

**PENEMUAN AUDIT PERINGKAT 2
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR OLEH SIRIM**

**HASIL LAPORAN AUDIT TAHAP 2
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (ISO 14001:2004)**

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan penemuan Audit Sistem Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM.

2.0 PENGENALAN

Audit Pengurusan Alam Sekitar oleh SIRIM dilaksanakan pada 9 hingga 13 Jun 2014. Sepanjang audit, seramai empat (4) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran.

3.0 LOKASI AUDIT

Lokasi yang dipilih sebagai sampel untuk audit adalah Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Pusat Asasi Sains Pertanian, Taman Pertanian Universiti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, Fakulti Pertanian, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Bursar, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Pejabat Penasihat Undang-Undang.

4.0 PENEMUAN AUDIT

Hasil audit, ditemui satu (1) ketakakuran dan tujuh (7) peluang penambahbaikan dan SIRIM mengesyorkan laporan ketakakuran kecil dan disyorkan untuk pensijilan setelah Laporan Ketakakuran ditutup dengan memuaskan. Ringkasan hasil laporan audit pensijilan semula boleh dirujuk seperti di bawah:-

- 4.1 ketakakuran;
- 4.2 peluang panambahbaikan

4.1 KETAKAKURAN

BIL.	KETAKAKURAN	PENERAJU	BUKTI PENEMUAN (PTJ) <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
1.	KHA-AAK-01 Klausula 4.4.6	PPPA	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan <ul style="list-style-type: none"> • Tiada sistem pengaliran dan penapisan yang efektif diwujudkan bagi aliran air yang keluar dari kandang bagi memastikan pencemaran air tersebut dikawal. Lokasi: Kandang ternakan itik dan kambing.
		PPKKP	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan <ul style="list-style-type: none"> • Sisa kimia dan sisa buangan terjadual tidak diurus dengan sempurna sebagaimana dikehendaki di dalam Jadual Kedua, Akta Alam Sekitar (Sisa Buangan Terjadual) 2005
		PPKKP	Fakulti Kejuruteraan <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik - Makmal Fabrikasi PCB dan Instrumentasi : Tiada kemudahan disediakan bagi mengumpul bekas bahan kimia terpakai yang telah pun diklasifikasikan sebagai bahan buangan terjadual. • Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan - Makmal Pembentukan Bahan : Tiada pelabelan yang lengkap bagi beberapa bahan kimia yang digunakan di makmal (<i>detergent, coolant, oil</i>). Kemudahan untuk mengumpul bahan buangan terjadual juga tidak disediakan dengan sempurna.

BIL.	KETAKAKURAN	PENERAJU	BUKTI PENEMUAN (PTJ) <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
		PPKKP	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • Bilik Kuliah DKEP 16 : Lampu kalimantang terpakai dibuang sebagai bahan buangan biasa, bukan bahan buangan terjadual.
		TPU	Fakulti Pertanian <ul style="list-style-type: none"> • Ladang 10 : Kawasan stor bahan racun dan kawasan persediaan campuran bahan racun tidak mempunyai <i>bunding system</i> bagi mengelakkan tumpahan racun dari terus mengalir ke <i>perimeter drain</i>.
		PPKKP	Fakulti Rekabentuk dan Senibina <ul style="list-style-type: none"> • <i>Spray booth</i> di Bengkel Fabrikasi Logam: Aktiviti mengecat dan penyemburan dilaksanakan di kawasan yang belum siap sepenuhnya. Tiada kawalan pencemaran cat/semburan ke tanah. • <i>Nursery store</i>, tiada <i>secondary containment</i> di kawasan penyimpanan diesel.
		PPKKP	Fakulti Sains <ul style="list-style-type: none"> • Bilik Persediaan – Makmal Kimia : penlabelan bahan kimia di stor bahan kimia perlu ditambah baik.
		PPKKP	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan <ul style="list-style-type: none"> • Isu pembangunan prosedur UPM/SOK/OSH/P001

4.2 PELUANG PENAMBAHBAIKAN

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN <i>Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO</i>
1.	4.3.2	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus Bintulu	Senarai keperluan perundangan dan keperluan-keperluan lain.
2.	4.4.6	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus Bintulu	Kawalan operasi, isu prosedur.
3.	4.4.7	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Kampus Bintulu	Pelan tindakan dan pasukan kecemasan masih belum dibangunkan secara sepenuhnya. Liputanpelan pengurusan bencana (DMP-UPM) yang dibangunkan kurang memberi penumpuan terhadap keperluan sistem pengurusan alam sekitar.
4.	4.3.1	Keseluruhan	Aspek alam sekitar berkaitan dengan aktiviti sokongan untuk skop utama pensijilan masih belum dikenalpasti sepenuhnya, termasuklah aktiviti penternakan ikan (Kampus Bintulu), aktiviti nursery di TPU, penyediaan makanan untuk ternakan.
5.	4.3.3	Keseluruhan	Isu objektif, target dan program
6.	4.5.1	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Keseihatan Pekerjaan	Aktiviti pengukuran dan pemantauan masih tidak dapat dijalankan kerana pihak OSH masih dalam perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar dalam usaha menetapkan syarat-syarat pengukuran dan pemantauan.
7.	7.5.1	Bahagian Pengurusan Kualiti	Kompilasikan dalam bentuk senarai utama (<i>masterlist of records</i>) bagi memudahkan proses rujukan.

5.0 STATUS KETAKAKURAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Semua bukti ketakakuran telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan dan telah diterima oleh pihak SIRIM dan ditutup. UPM telah pun menerima pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar pada 29 Disember 2014 dengan nombor pensijilan ER0909. Bagi peluang penambahbaikan, pihak SIRIM akan melihat pada Audit Pemantauan Semakan 1 yang dijadualkan pada 25 hingga 27 Mei 2015.

6.0 SYOR

Mesyuarat diminta untuk melihat ketakakuran yang berlaku dan memastikan ianya tidak berulang semasa Audit Pemantauan Semakan 1 serta mengambil tindakan pada setiap peluang penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh SIRIM.